

Niaga Hadapan Minyak Sawit Mentah USD (FUPO)

Spesifikasi Kontrak

KOD KONTRAK	FUPO
INSTRUMEN PENDASAR	Minyak Sawit Mentah
SAIZ KONTRAK	25 tan metrik
TURUN NAIK HARGA MINIMUM	USD0.25 per tan metrik
KAEDAH PENYELESAIAN	Penyelesaian Tunai
HAD HARGA HARIAN	<p>1. Kecuali dagangan dalam bulan terkini, dagangan untuk Kontrak serahan hadapan dalam mana-mana bulan, tidak boleh dilakukan, pada mana-mana Hari Perniagaan, pada perbezaan harga yang melebihi 10% di atas atau di bawah paras harga penyelesaian pada Hari Perniagaan terdahulu ("Had 10%") kecuali seperti yang diperuntukan di bawah:</p> <p>(a) Apabila Had 10% dikenakan (kecuali untuk bulan terkini), Bursa akan mengumumkan satu tempoh bertenang selama 10 minit ("Tempoh Bertenang") untuk semua bulan Kontrak (kecuali bulan terkini) yang semasa tempoh itu dagangan hanya boleh berlaku di dalam lingkungan Had 10%</p> <p>(b) Berikutan Tempoh Bertenang, semua bulan Kontrak adalah ditentukan sebagai terganggu selama tempoh 5 minit, yang selepas tempoh tersebut, had harga akan dinaikkan kepada 15%. Harga didagangkan untuk semua bulan Kontrak (kecuali bulan terkini) tidak boleh berbeza melebihi 15% lebih atau kurang daripada harga penyelesaian pada Hari Perniagaan sebelumnya ("Had 15%")</p> <p>(c) Jika Had 10% dikenakan 30 minit sebelum tamat sesi dagangan pertama, Had 10% hendaklah terpakai ke atas semua bulan Kontrak (kecuali bulan terkini) untuk baki sesi dagangan pertama dan Had 15% hendaklah terpakai ke atas semua bulan Kontrak (kecuali bulan terkini) pada masa sesi dagangan kedua</p> <p>(d) Jika Had 10% dikenakan kurang daripada 30 minit sebelum sesi dagangan kedua, Had 10% hendaklah terpakai ke atas semua bulan Kontrak (kecuali bulan terkini) untuk baki Hari Perniagaan tersebut</p> <p>2. Bagi tujuan perenggan 1 (a), Had 10% akan dikenakan mengikut cara yang ditetapkan oleh Bursa</p>

<p>BULAN KONTRAK</p>	<p>Bulan terkini dan 5 bulan yang berikut, serta selepasnya, bulan silih ganti sehingga 24 bulan berikutnya</p>
<p>WAKTU DAGANGAN</p>	<p>Isnin hingga Jumaat (Waktu Malaysia)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sesi dagangan pertama: Jam 1030 - Jam 1230 • Sesi dagangan kedua: Jam 1430 - Jam 1800
<p>HAD PEGANGAN SPEKULATIF</p>	<p>Bilangan maksimum pegangan belian bersih atau pegangan jualan bersih yang akan dipegang:</p> <ul style="list-style-type: none"> • 500 Kontrak untuk bulan terkini • 5,000 Kontrak untuk mana-mana bulan Kontrak kecuali bulan terkini • 8,000 Kontrak untuk semua bulan Kontrak digabungkan
<p>HARI DAGANGAN TERAKHIR DAN TARIKH MATANG</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Hari ke-15 dalam bulan terkini atau, jika hari ke-15 adalah bukan Hari Perniagaan, Hari Dagangan Terakhir ialah pada Hari Perniagaan terakhir sebelum hari ke-15 • Dagangan pada bulan terkini ditamatkan pada jam 1200 (waktu Malaysia) pada Hari Dagangan Terakhir
<p>NILAI PENYELESAIAN AKHIR</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Harga purata untuk Harga Penyelesaian Harian Kontrak Bulan Terkini FCPO pada 5 Hari Perniagaan sebelum luputnya Kontrak termasuk Hari Dagangan Terakhir 2. Untuk pengiraan nilai penyelesaian terakhir, yang berikut akan terpakai: <ol style="list-style-type: none"> (a) Nilai pertukaran pertengahan USD/RM pada jam 1800 (waktu Malaysia) pada setiap Hari Perniagaan ke-4 sebelum Hari Dagangan Terakhir yang diambil daripada Bank Negara Malaysia akan digunakan sebagai harga pertukaran untuk pengiraan Nilai Penyelesaian Harian Bulan Terkini (harga pertengahan USD/RM didarabkan dengan Harga Penyelesaian Harian Bulan terkini (FCPO) (b) Nilai pertukaran pertengahan USD/RM pada tengah hari (waktu Malaysia) akan digunakan untuk pengiraan Harga Penyelesaian Harian Bulan Terkini untuk Hari Dagangan Terakhir (c) Nilai Penyelesaian Terakhir ialah nilai pertukaran purata Harga Penyelesaian Harian Bulan Terkini yang dibundarkan kepada 25 sen terdekat. Sekiranya Nilai Penyelesaian Terakhir adalah sama antara 2 turun naik harga minimum, nilainya akan dibundarkan ke atas